



SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH PENJANA PENDAPATAN

ASAS ANUGERAH

Anugerah Penjana Pendapatan bertujuan memberi **pengiktirafan kepada staf yang berkepakaran dan berkaliber dalam memberikan perkhidmatan profesional kepada umum**. Penerima Anugerah Penjana Pendapatan ialah seorang staf **yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dalam perkongsian kepakaran melalui pelbagai bentuk dan kerjasama dengan pihak industri, sektor swasta, badan berkanun, agensi kerajaan, komuniti dan individu yang selanjutnya menyumbang penjana pendapatan Universiti dan memberi impak kepada pembangunan dan visibiliti Universiti**.

Perkhidmatan Penjana Pendapatan adalah semua aktiviti oleh PTj/kumpulan/individu staf di dalam penyediaan khidmat nasihat, khidmat profesional, khidmat kepakaran atau apa-apa perkhidmatan yang diberikan yang melibatkan penggunaan masa dan kepakaran dalam usaha menjana pendapatan kepada Universiti.

Penjana pendapatan bermaksud hasil atau sumber pendapatan/keuntungan daripada aktiviti atau inisiatif penjana yang dilaksanakan oleh PTj/kumpulan/individu staf yang menyumbang kepada sumber hasil dalaman Universiti termasuk hasil terus Universiti dan Tabung PTj. Kategori inisiatif penjana adalah meliputi usaha penjana di dalam:

- i. Program Akademik dan Penyelidikan seperti program pesisir, seminar, persidangan, bengkel, latihan, kursus, perundingan, perlesenan, royalti (tertakluk kepada Garis Panduan Pengkomersilan dan dikategorikan dibawah anugerah Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk) dan sebagainya.

- ii. Penawaran Aset, Perkhidmatan dan Peralatan seperti sewaan dan pajakan aset Universiti, sewaan jubah, jualan buku, jualan borang, percetakan, pelbagai terimaan hasil, denda/saman dan sebagainya.
- iii. Aktiviti Pengurusan Kewangan dan Pelaburan seperti keuntungan akaun semasa, pelupusan aset, pelaburan jangka panjang/emas, dividen/yuran pengurusan daripada anak syarikat dan sebagainya.

KATEGORI ANUGERAH

Berikut merupakan kategori Anugerah Penjanaaan Pendapatan dalam mengiktiraf usaha dan sumbangan calon kepada Universiti ini:

1. Anugerah Penjanaaan Pendapatan Individu / Staf - (AAU16)
2. Anugerah Penjanaaan Pendapatan Pusat Tanggungjawab (PTj) – (AAU17)

SYARAT PENCALONAN

Berikut merupakan syarat pencalonan bagi kategori Anugerah Penjanaaan Pendapatan ini:

1. Anugerah Penjanaaan Pendapatan Individu

- i. Berkhidmat sebagai **staf di UTeM** dan sebagai **ketua projek/penemu projek**; dan
- ii. Penjanaaan pendapatan yang diperolehi daripada hasil pendapatan terkumpul kepada Universiti adalah melebihi RM8,000.00 dalam tempoh tahun yang dinilai. (rujukan : Glosari MyRA 2023 -Seksyen F)
- iii. Nilai titik ambang melebihi 50%; dan
- iv. Inisiatif penjanaaan pendapatan dikategorikan sebagai sesuatu yang diusahakan dan tidak bersifat urusan seperti biasa (tugas hakiki) seperti mana Lampiran 1A; dan
- v. Inisiatif penjanaaan pendapatan telah selesai/ berkala dan dibuktikan dengan **transaksi kewangan terus kepada Universiti**; dan
- vi. Membawa impak kepada **industri, sektor swasta, badan berkanun, agensi kerajaan, komuniti dan individu** melalui inisiatif yang telah dijalankan dengan bukti laporan dan maklumbalas; dan
- vii. Calon yang melalui **proses atau pernah dikenakan tindakan tatatertib** pada tahun semasa **tidak boleh** dicalonkan dan pihak Urus Setia perlu membuat semakan dengan Pejabat Penasihat Undang-Undang.

- viii. Bagi pencalonan Anugerah Penjanaan Pendapatan (Individu), calon yang telah dicalonkan pada tahun terdahulu tidak layak dicalonkan pada penganugerahan tahun berikutnya kerana projek yang sama telah diambil kira semasa pencalonan bagi tahun berkenaan.
- ix. Hanya projek yang telah ditutup atau selesai secara berperingkat diambil kira dalam pencalonan.

2. Anugerah Penjanaan Pendapatan Pusat Tanggungjawab (PTj)

- i. Penjanaan pendapatan yang diperolehi daripada hasil pendapatan terkumpul kepada Universiti adalah melebihi RM500,000.00 dalam tempoh tahun yang dinilai; dan
- ii. Nilai titik ambang melebihi 50%.
- iii. Inisiatif penjanaan pendapatan dikategorikan sebagai sesuatu yang diusahakan dan tidak bersifat urusan seperti biasa (skop hakiki PTj) seperti mana Lampiran 1A; dan
- iv. Inisiatif penjanaan pendapatan telah selesai/ berkala dan dibuktikan dengan **transaksi kewangan terus kepada Universiti.**
- v. Hanya projek yang telah ditutup atau selesai secara berperingkat diambil kira dalam pencalonan.
- vi. Untuk projek Pesisir, hasil pendapatan dari penutupan tabung diambil kira sebagai hasil pendapatan tahun semasa dalam pencalonan.

PROSEDUR PENCALONAN

Pencalonan akan dicadangkan oleh Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dan penilaian akan dibuat oleh **Jawatankuasa Teknikal Anugerah Penjanaan Pendapatan.**

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian bagi anugerah ini merangkumi aspek-aspek berikut:

1. Anugerah Penjanaan Pendapatan Individu

- i. Kategori Perkhidmatan (10%)
- ii. Nilai Keseluruhan Kos Projek Tercumpul kepada Universiti di dalam tempoh tahun yang dinilai (20%)
- iii. **Hasil Penjanaan Pendapatan Tercumpul** kepada Universiti di dalam tempoh tahun yang dinilai (60%).

iv. Impak Projek (10%)

2. Anugerah Penjanaan Pendapatan Pusat Tanggungjawab (PTj)

Hasil Penjanaan Pendapatan Terkumpul kepada Universiti di dalam tempoh tahun yang dinilai (100%).

PROSEDUR PENILAIAN

1. Pencalonan penerima Anugerah Penjanaan Pendapatan akan dibuat oleh Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.
2. Penilaian akhir penerima Anugerah Penjanaan Pendapatan akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Anugerah Penjanaan Pendapatan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Panel yang dilantik.

NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Penjanaan Pendapatan bagi adalah **seperti berikut :**

- i. **Penerima Anugerah RM4,000.00** (Ringgit Malaysia : Empat Ribu Sahaja) beserta **sebuah piala dan sijil penghargaan.**
- ii. **Saguhati** sebanyak **RM500.00** kepada **2 calon** yang memperolehi markah tertinggi.
- iii. Sijil penghargaan kepada semua pencalonan yang memasuki saringan akhir di peringkat Universiti